



**GEREJA KRISTUS LIKAS**

*Mengenal dan Memperkenalkan Kristus*

Bisyp: Bisyp Datuk Melter Jiki Tais

Rektor: Archdekan Moses Chin



**Hubung**

P.O. Box 18510, Pejabat Pos Besar Kota Kinabalu,  
88670 Kota Kinabalu, Sabah

Pejabat: 088-426312, 213220 | Mudah alih: 019-6611558

<http://christchurchlikas.org/> | [cclikas@gmail.com](mailto:cclikas@gmail.com)

**Paskah 7 - 12 Mei 2024**

## Doa Hari Ini

Allah kekal, Raja kemuliaan, Engkau telah meninggalkan Anak-mu yang tunggal ke kerajaan-Mu di syurga dengan kemenangan besar. Janganlah tinggalkan kami sebagai yatim piatu, melainkan utuskanlah Roh Kudus-Mu untuk menguatkan kami serta mengangkat kami ke tempat Kristus telah pergi mendahului kami, dan di mana bersama-sama dengan Engkau dan Roh Kudus, Dia disembah dan dimuliakan, sekarang dan selamanya. Amin

*Selamat  
Hari Ibu*



Kebaktian BM disiarkan **secara langsung, 11:30 pagi.**:

- YouTube: <https://www.youtube.com/>

[@christchurchlikas/streams](https://www.youtube.com/@christchurchlikas/streams)

Selamat datang ke dalam perkumpulan umat Tuhan.  
Kita bersama-sama beribadah kepada Tuhan Yesus yang telah bangkit  
dan mendorong satu sama lain untuk mentaati-Nya.

1. **SELAMAT HARI IBU**

Kami doakan agar setiap ibu mendapat rahmat Tuhan sementara kami bersyukur kepada Tuhan untuk ibu-ibu semua. Kasih sayang dan pengorbanan kalian untuk kami tidak dapat dibalas sepenuhnya. Semoga kalian memperolehi kepenuhan dan kepuasan dalam menjadi ibu yang saleh. Doakan setiap ibu, khususnya ibu tunggal, janda dan mereka yang sedang berduka. Berilah syukur bagi mereka yang tidak lagi bersama kita di dunia ini; namun pengaruh mereka bagi kita amatlah dihargai.

2. **SELAMAT DATANG**

Sambutan istimewa kepada Puan Lydia Chang (Gereja Penebus Kita, Kolombong) ke kebaktian BC; Dr. Lim Kar Yong (Diosis Malaysia Barat) melayani di kebaktian BI dan Ibu Tingson (jemaat BM) melayani di kebaktian BM kita.

3. **TERIMA KASIH BANYAK-BANYAK**

Dengan rahmat Tuhan, melalui kemurahan hati anda, dan kerja keras anak-anak muda kita, mereka telah mengumpulkan dana yang mencukupi untuk tambang bas mereka ke Tawau bagi mengikuti khemah muda-mudi diosis. Mereka menyasarkan RM5000/-; tetapi mereka telah dikurniakan dengan jumlah yang cukup untuk perjalanan lain di tahun hadapan!! Terima kasih banyak atas sokongan padu dan dorongan anda. Lebih 400 orang anak muda bakal berkumpul untuk khemah mereka yang bermula 28 hingga 30 Mei. Doakan mereka.



4. **KESYUKURAN PENUAIAN**

26 Mei, Ahad, Pavilion, 1:00 petang - kita meraikan kebaikan Tuhan yang menyediakan kita 'makanan kita sehari-hari'. Datanglah untuk sertai persekutuan makan tengah hari (hidangan etnik); diikuti dengan pelbagai persembahan kebudayaan dan masyarakat. Semua dialu-alukan. Ajak juga kawan-kawan anda.

5. **BAZAR DI GEREJA MANGGATAL**

3 Jun, 8:00 pagi-4:00 petang - bazar kutipan dana Gereja Manggatal. Kunjungi deretan gerai tersedia - makanan, tumbuhan, alat, deko, dll. Kupon dijual. Beli untuk diri sendiri dan rakan-rakan anda. Atau anda mungkin ingin membuka gerai sendiri di sana. Sebarang maklumat sila berurusan di meja informasi.



## 6. LAPORAN KEWANGAN

Selepas setiap mesyuarat PCC, kami akan memaparkan laporan kedudukan kewangan semasa kita. Bermula 1 Jan-30 Apr, 2024 (menyeluruh, belum audit):

- Jumlah pendapatan: RM413,400 (dibajet: RM380,000)
- Jumlah perbelanjaan: RM377,342 (dibajet: RM378,150)
- Projek labur, hingga kini: RMRM37,265 (diperlukan RM600,000)

Keterangan terperinci sila merujuk kepada Bendahari atau kepada Rektor.

## 7. BERTUMBUH SEBAGAI MURID-MURID YESUS

'Jom Ke Sel'. Salah satu cara yang paling berkesan untuk berkembang dalam iman Kristian kita adalah dalam konteks sekumpulan kecil orang percaya yang berkumpul bersama. Beberapa kumpulan sel tersedia:

- Kaum Bapa - untuk pria; hubungi: Pak Johnny
- Sel Likas - zon Likas; Selasa, 8 mlm; hubungi: Sdr. Krisde
- Sel Sunny Garden - zon Likas; Jumaat, 8 mlm; hubungi: Sdri. Elisa
- Sel Kolombong - zon Likas; Jumaat, 8 mlm; hubungi: Ibu Imelda
- Sel Pulutan - zon Pulutan; Khamis, 8 mlm; hubungi: Pak Johnny
- Sel Inanam - zon Pulutan; Rabu, 8 mlm; hubungi: Ibu Marysta
- Sel Kalansanan - zon Pulutan; Jumaat, 8 mlm; hubungi: Pak Anda
- Sel Manggatal - zon Manggatal; Sabtu, 8 mlm; hubungi: Ibu Albertin
- Sel Gudon - zon Manggatal; Rabu, 8 mlm; hubungi: Ibu Hermin
- Sel Bantayan - zon Manggatal; Khamis, 8 mlm; hubungi: Ibu Maria
- Sel Keliangau - zon Manggatal; Jumaat, 8 mlm; hubungi: Ibu Albertin
- SOMA Sr. - belia; sebulan, 2 kali, selang-seli; hubungi: Sdr. Syahbir
- SOMA Jr. - Muda-mudi; setiap Jumaat, 7:30 mlm; hubungi Ps. Andy
- Pelayanan Kampus - pelajar IPTA/IPTS; hubungi: Ps. Andy
- Pelita Kecil - kanak-kanak; setiap Sabtu, 2 ptg; hubungi Sdr. Kinan

Sila tanya butiran terperinci di Meja info jemaat kami. Terdapat juga kumpulan lain yang dijalankan dalam bahasa Cina dan dalam Inggeris.

## 8. PELAYANAN-PELAYANAN LAIN

- Gubahan bunga hari ini disumbangkan oleh Jabeth Sikin sebagai tanda kesyukuran.
- ACARA STS - di Seminari Teologi Sabah:
  - 14-16 Mei, 7:30 mlm - pelbagai bengkel muzik
  - 17 Mei, 7:30 mlm - konsert muzik mini dan koir (masuk percuma).
- Sekolah St. Agnes - pendaftaran untuk kemasukan Darjah 1, 2025, kini dibuka. Sila daftar di sekolah.
- Rektor kita telah diberikan lesen untuk berkhidmat sebagai Penolong Pendaftar Perkahwinan; bermakna, perkahwinan boleh didaftarkan di Christ Church Likas, dan tidak semestinya di JPN. Pasangan yang berhasrat untuk berkahwin di gereja ini, sila hubungi Rektor kita.
- Ps. Margaret sedang bercuti sehingga 22 Mei.

**UNTUK PEMBERIAN DALAM TALIAN**

**RHB Bank | 2-10103-0001913-1**

**Christ Church Likas**

**Boost: <https://myboost.app.link/FPvG94VIT4>**



# Selamat Hari Ibu

## Seorang ibu yang memuliakan Tuhan

“Anak-anaknya bangun, dan menyebutnya berbahagia, pula suaminya memuji dia. Banyak wanita telah berbuat baik, tetapi kau melebihi mereka semua.” - Amsal 31:28-29

Untuk renungan dan perbincangan:

1. Bagaimana anda menggambarkan ibu anda? Kongsiikan.
2. Renungkan cabaran yang dihadapi oleh ibu anda. Apa yang anda akan lakukan?
3. Nyatakan beberapa cabaran menjadi seorang ibu di dunia pada hari ini? Dengan hormat, meminta ibu-ibu dalam Kumpulan kongsiikan dulu. Orang lain boleh menambah, kemudian. Bagaimana kita boleh menggalakkan ibu untuk menjadi saleh; dan untuk membesarkan keluarga yang saleh?
4. Bagaimana pula kita boleh mendorong ibu-ibu dalam komuniti kita yang lebih luas, di KK? Bagaimanakah kita boleh mendekati mereka yang berkeperluan khusus? Kongsiikan, Doakan. Bertindak.

## UNTUK DIDOAKAN

### **Ibu-ibu kita yang dikasihi**

- agar Tuhan melimpahkan kasih sayang, damai sejahtera dan kekuatan kepada setiap insan bergelar ibu

[doakan juga untuk ibu tunggal, balu, dan ibu yang berduka]

### **Sabah, negeri kita yang tercinta**

- agar setiap rakyat yang mendiami negeri ini dapat mengalami keamanan dan kemakmuran

[berdoa semoga keputusan mahkamah pada 16 Mei nanti bersifat adil; dan juga rancangan perhimpunan dijalankan dalam suasana aman]

### **Diri sendiri**

- agar kita menghargai kehidupan berkeluarga, dan membina hubungan kekeluargaan yang lebih kukuh

[semoga kita percaya kepada-Nya dan berpegang pada janji-janji-Nya]

- berdoa untuk mereka yang dalam kelemahan tubuh, minda atau rohani; dan untuk 5 sahabat kita. Namakan mereka dalam doa anda.